

05/06/2002

PM tunggu cadangan semakan semula SSB

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Misiah Taib; Halim Yusoff

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memutuskan secepat mungkin semakan semula sistem matriks Skim Saraan Baru (SSB) yang akan menentukan tangga gaji bagi hampir sejuta kakitangan awam.

Perdana Menteri berkata, beliau sedang menunggu cadangan semakan semula itu daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum membuat keputusan.

"JPA sudah memberi taklimat kepada Jawatankuasa Gaji pagi ini mengenai cadangannya bagi skim berkenaan, tetapi kita tidak boleh membuat sebarang pengumuman sekarang kerana kita sebenarnya memberi cadangan balas kepada JPA.

"Saya sedang menunggu mereka (JPA) mengemukakan semakan semula itu dan pihak jawatankuasa gaji sudah memberi mandat kepada saya untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Dialog Belanjawan Keempat bersama Menteri Besar dan Kelab Penyokong Kerajaan, di pejabatnya di sini hari ini.

Sejak tahun lalu, Cuepacs dan JPA beberapa kali mengadakan pertemuan bagi mengkaji dan memperbaiki skim SSB yang selama ini menimbulkan banyak rungutan anggota perkhidmatan awam. Pertemuan terakhir diadakan minggu lalu.

Mengikut sistem matriks SSB yang dilaksanakan sejak 1992, hanya lima peratus anggota kakitangan awam layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun.

Cuepacs menuntut sistem matriks dihapuskan kerana mendakwa 95 peratus daripada kakitangan awam kecewa dengan skim itu.

Ia mencadangkan SSB digantikan dengan Sistem Gaji Tunggal (SGT) yang dianggap lebih telus, sistematik dan memberi tumpuan kepada kecekapan serta produktiviti pekerja.

Bagaimanapun, JPA tidak berminat melupuskan skim gaji tiga peringkat itu, tetapi sedia memperbaiki dan mengurangkan kelemahannya.

Awal tahun ini, JPA mengemukakan laporan mengenai semakan semula SSB kepada Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan selepas diperkemukakan oleh jabatan itu dan Cuepacs.

Bagaimanapun, Dr Mahathir, yang mengetuai Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam, mengarahkan JPA meneliti beberapa perkara dalam laporan awal itu kerana ia membabitkan anggaran perbelanjaan tambahan RM1 bilion.

(END)